



07 JUN, 2024

Cubaan seludup minuman keras lebih RM1 juta gagal

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2



maian 26,400 liter, dianggarkan bernilai RM216,480 dan cukai RM785,410 dengan jumlah keseluruhan termasuk cukai adalah RM1,001 juta.

"Modus operasi digunakan sindiket adalah dengan mengisytiharkan dagangan ini sebagai perabot pejabat bagi mengaburi mata pihak berkuasa," katanya pada sidang media di Stor Penguatkuasaan Bagan Jermal di sini semalam.

Beliau berkata siasatan awal mendapati kontena itu dikendalikan oleh sebuah syarikat perkapalan yang mempunyai cawangan di Pelabuhan Klang dan diimport oleh syarikat berstatus milikan tunggal di Selangor, bagaimanapun semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati syarikat itu tidak wujud.

Roselan berkata berdasarkan dokumen dagangan itu disyaki berasal dari salah sebuah negara di Asia Timur, dan kes disiasat di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976.

- Bernama

SIDANG MEDIA...

Roselan Ramli serta anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang lain semasa sidang media di Stor Penguatkuasaan Bagan Jermal di Butterworth, Pulau Pinang semalam. • Foto BERNAMA

Cubaan seludup minuman keras lebih RM1 juta gagal

BUTTERWORTH: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang berjaya mematahkan cubaan menyeludup minuman keras ke negara ini selepas merampas 52,800 tin minuman keras bernilai lebih RM1 juta dalam sebuah kontena di sini pada 17 Mei lalu.

Pengarah JKDM negeri, Roselan Ramli berkata sebelum itu sepasukan pegawai Unit Operasi Bahagian Penguatkuasaan Pulau Pinang telah menahan sebuah kontena yang berlabuh di Pelabuhan Klang sekitar 10.30 pagi sebelum dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Bagan Jermal di sini untuk pemeriksaan lanjut.

"Hasil pemeriksaan rapi terhadap kontena terbabit membawa kepada penemuan 52,800 tin minuman keras jenis bir disyaki tidak berkastam bersa-



BARANG RAMPASAN...

Roselan Ramli menunjukkan minuman keras yang dirampas susulan cubaan menyeludup minuman berkenaan ke dalam negara semasa sidang media di Stor Penguatkuasaan Bagan Jermal di Butterworth, Pulau Pinang semalam. • Foto BERNAMA



07 JUN, 2024

Cubaan seludup minuman keras lebih RM1 juta gagal

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SIDANG MEDIA... Roselan Ramli serta anggota sidang media di Stor Penguatkuasaan Bagan Jermal di Butterworth, Pulau Pinang semalam. Foto BERNAMA

BUTTERWORTH: Jabatan v Kastam Diraja Malaysia (JKDM) PulSu Pinang berjaya mematahkan cubaan menyeludup minuman keras ke negara ini selepas merampas 52,800 tin minuman keras bernilai lebih RM1 juta dalam sebuah kontena di sini pada 17 Mei lalu.